

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25522
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi membangunkan Sandakan sebagai salah satu destinasi pelayaran, ataupun *cruise destination* di Malaysia, memandangkan Sandakan merupakan destinasi popular bagi pelancong-pelancong dari Eropah.
2. PR-1532-L24931
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan terkini menggubal Akta Ombudsman Malaysia yang telus, berakauntabiliti dan cekap dalam sistem Kerajaan.
3. PR-1532-L25570
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri ke China bersempena dengan ulang tahun ke-50 hubungan dua hala.
4. PR-1532-L24752
Dato' Khlijir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) termasuk penyelenggaraan infrastruktur di kawasan (RKAT) setelah mendapat peruntukan sebanyak RM400 juta pada tahun 2024.

5. PR-1532-L25637

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah cabaran Kementerian dalam usaha menggubal akta baru atau meminda akta sedia ada berkaitan *Lemon Law* bagi melindungi pengguna dalam hal ehwal pembelian kenderaan dan setakat ini bagaimana tahap kerjasama pemain industri kenderaan terhadap cadangan pengenalan *Lemon Law* ini.

6. PR-1532-L24960

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Sekolah Agama Rakyat di bawah JAKIM yang layak menerima geran bantuan berjumlah RM20,000 sebagaimana yang diumumkan serta mekanisme serta prasyarat permohonan geran bantuan berkenaan.

7. PR-1532-L24767

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian cuba mengatasi masalah longkang otak (*brain drain*) dengan mengurangkan pilihan IPTS yang ditawarkan oleh biasiswa JPA-LSPM. Apakah cara untuk meningkatkan kualiti pendidikan di IPTA supaya bertaraf tinggi seperti IPTS demi mengelakkan kejadian longkang otak.

8. PR-1532-L25032

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula lokasi kem-kem tentera seperti TLDM, Marine dan lain-lain terutamanya di Langkawi yang agak jauh daripada sempadan Malaysia-Thailand sedangkan masih ada tanah-tanah yang kosong berhadapan dengan Negara Thai yang lebih strategik.

9. PR-1532-L25928

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah status pelaksanaan 5G dwi rangkaian dan berapa pegangan ekuiti DNB yang akan dilepaskan kepada syarikat Telco.

10. PR-1532-L24827

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyeragamkan undang-undang jenayah syariah di kesemua negeri; dan

- (b) adakah sudah wujud model undang-undang yang boleh dijadikan asas dan panduan kepada negeri-negeri dalam menggubal undang-undang kesalahan jenayah syariah yang seragam.
11. PR-1532-L24462
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan merujuk kepada Seksyen 3 Akta Perlindungan Peribadi, adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan peruntukan mengenai perlindungan data peribadi daripada penyalahgunaan oleh pihak Kerajaan di dalam Akta Omnibus yang akan diperkenalkan kelak.
12. PR-1532-L25265
Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan untuk membina lebih banyak pencawang bagi tujuan meningkatkan kadar capaian internet berkelajuan tinggi (5G) di kawasan pedalaman dengan lebih menyeluruh.
13. PR-1532-L25169
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah program-program yang sedang dan akan dilaksana dalam memperkuuhkan bidang-bidang keutamaan termasuk AI, robotik, biosains dan angkasa dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi supaya ianya dapat diadaptasi dalam ekosistem dunia I.R 4.0 kelak.
14. PR-1532-L25398
Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kriteria yang diperlukan bagi membolehkan sesebuah stesen KTM menjadi hentian bagi laluan ETS.
15. PR-1532-L25046
Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah program rasionalisasi subsidi atau pengurangan subsidi mempengaruhi tingkah laku pengguna terhadap penggunaan bahan bakar seperti diesel dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan tiada golongan yang mengambil kesempatan melakukan pencatuan harga terhadap barang kawalan selepas penyelarasan semula harga diesel terbaru nanti.

16. PR-1532-L25254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pendirian Kementerian dalam penarafan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia yang telah jatuh 34 anak tangga ke kedudukan ke-107 dan apakah jaminan Kerajaan bahawa wartawan negara dapat kekal jujur dalam menyampaikan berita tanpa dipengaruhi pihak berkuasa.

17. PR-1532-L25286

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini projek-projek pemindahan kekal bencana di seluruh negara serta apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mempercepat pelaksanaan projek tersebut khususnya di kawasan yang kritikal.

18. PR-1532-L24682

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah segera dan langkah jangka panjang Kementerian untuk menarik pelancong dari Thailand ke Malaysia terutama di bandar sempadan seperti di Rantau Panjang, Tumpat dan lain-lain.

19. PR-1532-L25202

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah terkini bagi menotahkan masalah penipuan pakej haji dan umrah yang telah banyak menyusahkan rakyat pada setiap tahun serta tindakan untuk menyebarluaskan kefahaman kepada orang ramai berhubung perkara tersebut agar tidak menjadi mangsa pada masa akan datang.

20. PR-1532-L24514

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) perincian prestasi tahunan MAHB dalam menguruskan lapangan terbang; dan
- (b) adakah terdapat cadangan untuk menambah lapangan terbang baru di Malaysia.

21. PR-1532-L25481

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lutar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mencegah dan membanteras penyeludupan serta ketirisan bahan diesel di Sarawak dan Sabah yang dikecualikan daripada penyasaran subsidi diesel.

22. PR-1532-L24799

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian bersetuju sekiranya Lemon Law dilaksanakan di Malaysia lagi-lagi semakin kerap berlakunya kerosakan kendaraan import di dalam negara seperti kes Chery Omoda dan Honda HR-V.

23. PR-1532-L(5)00237

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 12 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Nyatakan jumlah kertas siasatan dibuka dan kes dituduh di mahkamah atas kesalahan tersebut sejak pelaksanaan akta tersebut (Julai 2017-2023) dalam format jadual.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

24. PR-1532-L24600

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah cabaran perkembangan AI yang dikenal pasti oleh Kementerian bagi mengatasi peningkatan kes jenayah penipuan dalam talian; dan
- (b) sejauh mana keberkesanan Pusat Respons Scam Kebangsaan dalam menangani jenayah penipuan dalam talian di samping mengesan modus operandi '*scammer*'.

25. PR-1532-L25065

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :

- (a) apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia dari kedudukan ke-73 tahun lepas kepada kedudukan ke-107 tahun ini; dan
- (b) adakah Kementerian akan berusaha untuk meningkatkan kedudukan ini atau adakah Malaysia akan terus mengekalkan seperti biasa.

26. PR-1532-L24994

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian dan usaha Kerajaan terkini bagi menyuarakan pandangan negara Malaysia ke atas isu Gaza dan Israel yang mutakhir ini semakin meruncing serta apakah kesepakatan hasil pertemuan pimpinan negara bersama pemimpin Palestine dalam pertemuan lalu.

27. PR-1532-L25305

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) jumlah hasil daripada industri sawit (nilai dan peratusan) yang dijana melalui FELDA di Sabah berbanding hasil keseluruhan di seluruh Malaysia bagi tempoh 5 tahun; dan
- (b) strategi FELDA bagi memberikan impak ekonomi yang lebih menyeluruh dan bermakna, bukan sahaja kepada peneroka, malah kepada komuniti di sekitar Lahad Datu dan Tawau.

28. PR-1532-L25369

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) senarai projek mega di kawasan Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan; dan
- (b) bagaimana Kerajaan mahu mengimbangi kemajuan antara bahagian Pulau dan Tanah Besar Seberang Perai.

29. PR-1532-L25021

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah strategi jangka panjang Kementerian dalam mengembangkan pelancongan eko di Malaysia, dan apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan pembangunan eko-pelancongan yang lestari dan tidak menjaskan alam sekitar.

30. PR-1532-L25597

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk memperkasakan peranan PERHEBAT atau diwujudkan institusi latihan baru bagi menampung veteran yang tercicir daripada kursus/latihan selain mewujudkan persaingan sihat bersama PERHEBAT agar hasil yang lebih berkualiti dapat dihasilkan sesuai dengan keadaan sosioekonomi semasa yang makin mencabar.

31. PR-1532-L25320

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) daripada 123 projek yang mengalami kelewatan "take off" di Sabah, berapa jumlah projek (berserta nilai) yang melibatkan infrastruktur asas seperti air, elektrik, jalan raya dan sekolah; dan
- (b) apakah faktor dan punca kelewatan ini disebabkan isu birokrasi di peringkat Persekutuan atau di peringkat negeri.

32. PR-1532-L25010

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan butiran lanjut mengenai keputusan dan langkah-langkah yang telah atau akan diambil sebagai respons terhadap hasil perjumpaan ASEAN-EU.

33. PR-1532-L25161

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah menara telekomunikasi yang telah dibina melalui projek JENDELA di Parlimen Kudat (Kudat, Pitas, Banggi) bagi memastikan akses komunikasi dan internet kepada penduduk luar bandar.

34. PR-1532-L24569

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan tiada kenaikan harga barang yang membebankan rakyat berikutnya keputusan Kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api.

35. PR-1532-L24731

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Malaysia akan menggubal satu undang-undang khusus berkaitan kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan teknologi tersebut tidak digunakan untuk tujuan jenayah atau apa sahaja yang menyalahi undang-undang negara memandangkan jenayah siber dijangka akan terus meningkat melalui penggunaan AI.

36. PR-1532-L24932

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini libat urus Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menggubal undang-undang Islam bersama Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan negeri yang telah terlibat usaha giat ini.

37. PR-1532-L24743

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan berdasarkan Cisco AI Readiness Index yang menunjukkan 17% organisasi global bersedia dengan infrastruktur IT bagi Kecerdasan Buatan (AI):

- (a) sejauh manakah tahap kesediaan Kerajaan menyokong penerapan AI dalam konteks infrastruktur digital; dan
- (b) sejauh mana penerimaan (*adoption*) dan integrasi AI telah diterapkan di Malaysia.

38. PR-1532-L25715

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang sedang dilaksanakan Kementerian dalam menarik pelancong dari Thailand ke Malaysia kerana dikhuatiri hanya rakyat Malaysia sahaja yang melancong ke Thailand sedangkan matawang mereka jauh lebih tinggi berbanding dengan Ringgit Malaysia.

39. PR-1532-L25283

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan membentang Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang komprehensif bagi mengawal selia pendanaan politik termasuk menguatkuasakan had perbelanjaan pilihan raya yang realistik untuk calon dan parti, menyiarkan akaun yang telah diaudit serta dedahkan penderma-penderma besar yang melebihi sejumlah wang dan lain-lain.

40. PR-1532-L24510

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan promosi dan strategi pemasaran bagi merancakkan pelancongan sempadan sebagai usaha menarik kehadiran pelancong tempatan dan luar negara misalnya industri pelancongan di utara Semenanjung dan Selatan Thailand.

41. PR-1532-L25403

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan membina pejabat dan bangunan sendiri bagi Jabatan Pengangkutan Jalan Daerah Kota Marudu bagi memudahkan urusan berkaitan jabatan memandangkan pejabat yang ada sekarang disewa dengan adanya pejabat dan bangunan sendiri, penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

42. PR-1532-L25174

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah akan diwujudkan *oversight committee* yang dirangka untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti pembidaan, pelaksanaan, dan pemantauan projek mega di Malaysia, termasuklah akses maklumat kepada orang awam dan penglibatan pihak berkepentingan.

43. PR-1532-L25147

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan RM12.9 bilion yang dikatakan telah diberikan pada Sabah pada tahun 2023 bolehkah diberikan perincian bayaran-bayaran peruntukan itu dan berapa yang telah dibelanjakan dari peruntukan tersebut untuk disalur terus kepada Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2023.

44. PR-1532-L24971

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) bagi memperluaskan bidang kuasa Enakmen Jenayah Syariah Negeri sekaligus mengukuhkan undang-undang syariah di negeri-negeri.

45. PR-1532-L25939

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang perkembangan terkini tentang tuntutan pelarasan pencen veteran sebelum 2014 dan bantuan sara hidup kepada veteran tidak berpencen serta implikasi kewangan dan juga perundangan kesan daripada tuntutan tersebut.

46. PR-1532-L25402

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci tentang usaha Kementerian untuk menggubal akta baru atau meminda akta sedia ada yang berkaitan dengan "*Lemon Law*". Berikan justifikasi terhadap usaha Kementerian ini.

47. PR-1532-L25516

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme yang disediakan untuk memantau tahap perkhidmatan lapangan terbang serantau seperti Lapangan Terbang Sandakan supaya tahap perkhidmatan lapangan terbang itu dapat memenuhi jangkaan orang ramai.

48. PR-1532-L25282

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam pelaksanaan reformasi pilihan raya dengan memantau:

- (a) lantikan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui proses dan prosedur Parlimen untuk memastikan SPR bebas dan adil; dan
- (b) meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya yang digunakan melebihi 20 tahun tanpa sebarang pindaan dan memberi kuasa penguatkuasaan kepada SPR.

49. PR-1532-L25643

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa jumlah jualan dan bilangan program "Jualan Rahmah" yang telah dilaksanakan di seluruh negara setakat ini, dan apakah kriteria pemilihan sesuatu kawasan jualan tersebut.

50. PR-1532-L25458

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah untuk menangani kenaikan harga tambang kapal terbang pada musim perayaan dan apakah perancangan yang dirangka membantu mengurangkan beban kewangan penduduk Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung yang menggunakan perkhidmatan kapal terbang.

51. PR-1532-L25492

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status Kajian Kebolehlaksanaan Projek Trans Borneo Railway dan sejauh manakah komitmen Kerajaan Malaysia dalam merealisasikan pembangunan sistem rel rentas negara bersama Kerajaan Brunei dan Republik Indonesia di Kepulauan Borneo.

52. PR-1532-L24641

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menambah baik kawasan pelancongan di Kuala Gula Bird Sanctuary, Perak dan Pantai Ban Pecah di Pt Buntar, Perak yang agak terabai dari aspek prasarana.

53. PR-1532-L25338

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani masalah lori melebihi had muatan, sama ada Kementerian berhasrat meminda Akta Pengangkutan Jalan supaya sekiranya sesebuah lori dijumpai melebihi had muatan, konsignor barang dalam lori berkenaan juga didenda.

54. PR-1532-L24428

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah misi, wawasan serta pembaharuan yang hendak dilakukan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bermula pada tahun hadapan 2025.

55. PR-1532-L24887

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian bagi menambah keluasan dan memperbaiki akses parkir di stesen KTMB Tasek Gelugor dan stesen Butterworth bagi memastikan keselesaan pengguna pengangkutan awam.

56. PR-1532-L24831

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sebanyak RM80 juta telah disediakan bagi memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan yang berpotensi diiktiraf oleh UNESCO antaranya di Gua Niah, Lembah Bujang, Kedah dan Royal Belum. Apakah projek yang akan dilaksanakan di Lembah Bujang berdasarkan bajet tersebut.

57. PR-1532-L25050

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha dan rancangan Kementerian untuk menaikkan kedudukan dan skor Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia yang diterbitkan oleh Reporters Without Borders (RSF).

58. PR-1532-L25368

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian khususnya Perbadanan Aset Keretapi untuk menaik taraf serta penyelenggaraan bangunan stesen kereta api, tempat letak kereta dan sistem perparitan yang berada di bawah kelolaan RAC di negeri Pulau Pinang.

59. PR-1532-L25953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab tiada pendakwaan dilakukan terhadap pegawai polis yang menipu dan mencuri duit Branden Hoh Han Lyam di bawah Damansara Report: 6927/22 memandangkan polis telah merujuk kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya Selangor pada 25 Mei 2023.

60. PR-1532-L24826

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan semasa pindaan Akta 355 dan bila anggaran masa yang ianya bersedia untuk dibentangkan di Dewan Rakyat.

61. PR-1532-L25374

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :

- (a) apakah faktor yang mendorong kemerosotan Indeks Kebebasan Media di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI sehingga menjunam dari tangga 73 ke tangga 107 dalam laporan Indeks Kebebasan Media Dunia 2024; dan
- (b) mengapa cadangan penubuhan Majlis Media masih belum dilaksanakan sehingga kini meskipun ia telah dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan di bawah Bab 17: Menjamin Kebebasan Media dan Hak Bersuara.

62. PR-1532-L25026

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian terkini penggunaan Bas Perantara RAPIDKL dan pelan penambahbaikan bagi melengkapkan isu ketersambungan pengangkutan awam secara menyeluruh di Lembah Klang khususnya sebagai penghubung kepada laluan LRT/MRT.

63. PR-1532-L24968

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) statistik terkini rakyat Malaysia yang diisyihar muflis mengikut kumpulan umur dan pecahan kaum; dan
- (b) langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan berkenaan lebih 50,000 belia usia 30 tahun dan ke bawah dilaporkan terjebak masalah hutang mengambil kira impak kewujudan skim 'beli sekarang, bayar nanti' (BNPL).

64. PR-1532-L25076

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah JAKIM telah melaksanakan sesi libat urus bersama agensi yang terlibat dalam membantu bagi mengelakkan pekerja-pekerja Islam terlibat dalam urusan jual beli arak dan seumpamanya.

65. PR-1532-L25561

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk projek yang telah dilaksanakan di bawah kerja-kerja pemulihan, pemuliharaan, ubah suai dan naik taraf (PPUN) di Parlimen Beaufort. Adakah Kementerian bercadang untuk membangunkan daerah Menumbok sebagai salah satu destinasi tarikan pelancong di Sabah.

66. PR-1532-L25707

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan keutamaan Kerajaan MADANI menjelang Malaysia menjadi tuan rumah ASEAN untuk tahun 2025.

67. PR-1532-L24656

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi Kerajaan tidak melantik wakil pihak pembangkang dalam Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang sepatutnya berfungsi sebagai medium semak dan imbang kepada pentadbiran Kerajaan.

68. PR-1532-L25697

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Akta Sokongan Ibu Bapa yang memerlukan kanak-kanak dewasa yang bekerja menyumbang secara kewangan kepada kesejahteraan ibu bapa mereka yang semakin tua, bagi memastikan terdapat jaringan keselamatan yang mencukupi untuk warga emas kita.

69. PR-1532-L24936

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah kesiapsiagaan Kementerian daripada segi anggota, Vessel dan peralatan dalam usaha menjaga persisiran maritim negara demi kedaulatan negara.

70. PR-1532-L24898

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:

- (a) senarai pemegang saham dan nilai pegangan masing-masing serta ahli lembaga pengarah dalam Boustead Plantations selepas syarikat tersebut dinyah senarai dari Bursa Malaysia; dan
- (b) apakah usaha yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi Syarikat Boustead Plantations.

71. PR-1532-L24771

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tujuan pelaksanaan Sistem Latihan dan Pengujian Memandu Secara Elektronik (e-TESTING) untuk mendapat lesen memandu. Adakah ujian tersebut membebankan calon dari segi kewangan kerana lebih mahal daripada ujian biasa untuk mendapatkan lesen memandu. Bilakah ujian tersebut akan dilaksanakan di Sarawak.

72. PR-1532-L24811

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di dalam memastikan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kekal relevan dan membantu KTMB dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pengguna secara khususnya.

73. PR-1532-L25066

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menangani isu kecurian kabel menara telekomunikasi terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman bandar, seperti di Julau yang semakin berleluasa dan adakah terdapat teknologi baru yang boleh diperkenalkan selain daripada sistem yang sedia ada sekarang.

74. PR-1532-L25324

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pemimpin Malaysia terdahulu menyalahgunakan kedudukan mereka untuk memperkayakan diri dengan memiliki aset berbilion ringgit di luar negara. Apakah usaha Kerajaan dalam membawa pulang aset tersebut.

75. PR-1532-L24740

Dato' Khlir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan yang telah diambil bagi menentukan lebih ramai anggota-anggota ATM yang telah bersara dan yang masih berkhidmat dapat menunaikan fardu haji.

76. PR-1532-L25160

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan seterusnya yang dibuat susulan kejayaan penganjuran KL20 Summit baru-baru ini bagi merealisasikan hasrat negara menjadi hab global syarikat pemula teknologi.

77. PR-1532-L25755

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian bagi mengetengahkan bakat tempatan dalam industri kreatif kepada rakyat Malaysia.

78. PR-1532-L25165

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) prestasi kewangan FELDA sehingga suku tahun pertama 2024; dan
- (b) apakah pelan pemulihan yang telah dilaksanakan.

79. PR-1532-L25319

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini siasatan mengenai 'tali barut' dalam kalangan rakyat negara ini yang membantu dalam kes kumpulan yang mendakwa waris Kesultanan Sulu bagi mendapatkan pampasan ke atas Sabah dan adakah mereka ini telah disiasat, ditangkap dan didakwa.

80. PR-1532-L24684

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pemulihan landasan kereta api antara stesen Pasir Mas - Rantau Panjang serta penyambungan projek ECRL hingga ke Rantau Panjang sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi antara sempadan.

81. PR-1532-L25754

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan usaha Kementerian mengambil tindakan tegas berhubung kes-kes penderaan kanak-kanak yang semakin serius di TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak seluruh negara.

82. PR-1532-L24414

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan susulan pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) bagi kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tempoh tidak melebihi 20 tahun:

- (a) sejauh manakah kesalahan-kesalahan tersebut berjaya dikurangkan; dan
- (b) berapa jumlah kes yang dihukum maksima oleh mahkamah.

83. PR-1532-L25962

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sebab Summer Bay Resorts di Terengganu baru-baru ini dikenakan denda kerana menganjurkan satu acara yang dikatakan bertentangan dengan peraturan-peraturan etika walaupun tiada orang Islam dikatakan hadir di acara tersebut. Adakah insiden ini boleh memudaratkan usaha-usaha untuk menarik lebih pelancong ke Malaysia terutamanya selepas pandemik COVID-19.

84. PR-1532-L25075

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan para guru KAFA dan pegawai penyelia KAFA di seluruh negara.

85. PR-1532-L25443

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membantu pelancongan di negeri pantai timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan dalam Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

86. PR-1532-L25034

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan maklumat berhubung dengan ketiadaan minyak diesel di Pulau Tuba dan apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan masalah diesel tersebut.

87. PR-1532-L24697

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk melaksanakan cadangan agar diberikan kelulusan khas *fleet card* terhadap sistem kawalan diesel bersubsidi kepada semua pemilik kenderaan dan syarikat yang terlibat secara langsung dalam sektor agro makanan bagi mengelakkan ledakan inflasi input pertanian.

88. PR-1532-L25883

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara perincian terhadap pembekuan dana Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur.

89. PR-1532-L25177

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan memberi rasionalisasi dan respon kepada cadangan yang dikemukakan oleh KRPPM Integriti, Governans dan Anti Rasuah berkenaan konsep Open Government Partnership (OGP) lebih baik dalam melaksanakan strategi Anti Rasuah berbanding penubuhan kaukus seperti yang dinyatakan di dalam NACS.

90. PR-1532-L25348

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah status pelaksanaan Nasional Digital Network (Jendela) Phase One di Sarawak dan apa sebabnya projek itu yang dimulakan pada tahun 2020 masih belum disiapkan.

91. PR-1532-L25148

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang peruntukan untuk Sabah pada tahun 2024 dikatakan berjumlah RM16 bilion. Bolehkah diberikan perincian untuk semua tujuan/projek untuk peruntukan ini dan adakah ini meliputi kos operasi dan pembangunan.

92. PR-1532-L25200

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), khususnya di Tampin dari sudut fasiliti, aset, keanggotaan dan sebagainya agar dapat memainkan peranan dengan sebaiknya terhadap masyarakat setempat pada waktu kecemasan.

93. PR-1532-L24448

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pencen yang diterima oleh para pesara Kerajaan bakal diselaraskan ekoran pengumuman semakan gaji penjawat awam baru-baru ini. Ramai pesara Kerajaan gusar mengenai kedudukan mereka.

94. PR-1532-L24872

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis masa pelaksanaan pemisahan kuasa Peguam Negara dengan Pendakwa Raya dan status kajian empirikal komprehensif perbandingan bagi mendapatkan model yang sesuai dipraktikkan di negara ini.

95. PR-1532-L24712

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :

- (a) statistik kanak-kanak yang didiagnosis menghidap autisme mengikut negeri dari tahun 2013 hingga 2023 dan jumlah pusat autisme yang telah ditubuhkan oleh Kementerian di setiap negeri sehingga tahun 2023; dan
- (b) perancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih banyak inisiatif sokongan kepada Kerajaan Negeri dan pihak swasta bagi meningkatkan usaha mewujudkan lebih banyak pusat autisme.

96. PR-1532-L25983

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dan memenuhi tuntutan untuk menyediakan penempatan bagi generasi kedua FELDA atau memberi kebenaran untuk membina rumah generasi kedua FELDA di tapak tanah generasi pertama.

97. PR-1532-L25890

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah ada komitmen dan program baharu yang diperkenalkan dari negara United Kingdom untuk memperkuatkan lagi Kerjasama Pertahanan Lima Negara (Five Power Defence Arrangement - FPDA) mengambil kira suasana geopolitik yang tidak menentu di Laut China Selatan.

98. PR-1532-L24579

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sasaran yang ditetapkan untuk memastikan peruntukan yang disalurkan di bawah Dana Komuniti MADANI digunakan secara optimum sekaligus dapat membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar khususnya; dan
- (b) mekanisme secara terperinci berkenaan pemantauan kepada dana yang diberikan supaya tidak berlaku salahguna wang.

99. PR-1532-L24719

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi memperkuat semangat patriotik dan keharmonian kaum dalam kalangan belia.

100. PR-1532-L24560

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan konkret pemerkasaan institusi pendidikan Islam di bawah seliaan Bahagian Pendidikan, JAKIM meliputi sektor pengurusan institusi, latihan guru dan kemudahan infrastuktur bangunan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.16/2024) Rang Undang-Undang Audit (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** (2 Julai 2024)

[Perdana Menteri]

2. (D.R.7/2024) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

3. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024. “

[Menteri Dalam Negeri]

4. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Perdana Menteri]

5. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

6. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

7. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** (27 Mac 2024)

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepada dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaiannya biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

12. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

16. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

| <u>TAHUN</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|---------------------|---|--|
| DR. 16 | Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan <i>Foreign Workers Centralized Management System</i> (FWCMS) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri | 3 Julai 2024 |

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

| Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|--|---|---|
| YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong) | 1. Rancangan Pembangunan Kawasan Jajaran Projek ECRL Khususnya di Bentong 2. Strategi Pengawalseliaan Kecerdasan Buatan | 1. YB Menteri Pengangkutan 2. YB Menteri Digital |
| YB Tuan Zakri bin Hassan (Kangar) | 3. Pembangunan Kawasan di Dataran Lok 9, Kuala Perlis 4. Cadangan Penambahbaikan Prasarana di Pasar Besar Sena, Kangar, Perlis | 3. YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya 4. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan |

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**